

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.06.2015**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan dan tindakan terhadap kes skim penipuan pelaburan oleh Syarikat Uni Argrow (M) Sdn. Bhd. dan individu Dr. Nixon Yap Kim Piow dalam kes pelaburan kayu gaharu Kemboja, atau lebih dikenali sebagai Uni-Argrow Series 0809.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyenaraikan Syarikat Uni

Argrow (M) Sdn Bhd (skim pelaburan kayu gaharu) di dalam senarai “Peringatan Kepada Pengguna” atau “*Financial Consumer Alert*” di laman sesawang bank memandangkan syarikat tersebut telah menjalankan skim pelaburan yang diragui serta tidak mendapat kebenaran di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan.

BNM juga dalam proses meneliti dan mengumpul maklumat berkenaan kes tersebut. Sekiranya kes itu disyaki melibatkan kesalahan penipuan, ia akan disalurkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk tindakan penguatkuasaan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai skim terbabit diminta untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak BNM melalui perkhidmatan Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK seperti yang tertera di laman sesawang BNM.